

SULTAN BERSAMA RAKYAT

Masjid Sungai Lang Baru dirasmi

Sultan Sharafuddin turut berkenan sampaikan sumbangan Aidilfitri kepada 428 asnaf

NURUL FIRDAUS KHAIRI

KUALA LANGAT - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan berangkat merasmikan Masjid Sungai Lang Baru dan buka puasa bersama penduduk, di sini, semalam.

Baginda tiba jam 6 petang semalam disambut Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali; Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu dan Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi dan Ahli Parlimen Kuala Langat, Datuk Abdullah Sani Abdul Hamid.

Sultan Sharafuddin turut menyampaikan bantuan Aidilfitri bernilai RM500 kepada 294 fakir dan

miskin serta 134 saudara baru sumbangan daripada Lembaga Zakat Selangor (Zakat Selangor)

Baginda dan rakyat kemudian diperdengarkan dengan bacaan ayat suci al-Quran sebelum menyampaikan titah perasmian dan seterusnya menyempukkan majlis yang diadakan di perkarangan masjid berkenaan.

Difahamkan, kerja pembinaan Masjid Sungai Lang Baru bermula pada 1976 dengan peruntukan RM50,000 sebelum ia siap sepenuhnya dua tahun kemudian sehingga boleh memuatkan 500 jemaah.

Terbaru, projek pembesaran ruang solat masjid dilakukan pada Mac lalu berikutan pertambahan bilangan ahli jemaah.



Adun Tanjung Sepat, Ir Mohd Hasin Hassan menyampaikan cenderahati kepada Sultan Sharafuddin.



Sultan Sharafuddin mengaminkan bacaan doa.



Sebahagian ketua kampung dari daerah Kuala Langat yang turut hadir berpuasa bersama Sultan Selangor.



Sultan Sharafuddin menyampaikan sumbangan kepada asnaf.



Sebahagian fakir miskin dan asnaf yang hadir pada majlis itu.



Sebahagian Ahli Jawatankuasa Masjid Sungai Lang Baru mendengar taklimat.



Sebahagian penerima sumbangan menunggu kedatangan Sultan Sharafuddin.